

09 JUN 2003

Mahathir-Putrajaya/I

PEMBANGUNAN PUTRAJAYA ADALAH WANG YANG DIBELANJA DENGAN BAIK: DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata wang yang dibelanja oleh kerajaan bagi membangunkan Putrajaya mempunyai justifikasi kerana ia dibangunkan bagi masa depan negara dan bukannya untuk dirinya.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab kenapa rakyat Malaysia tidak boleh memiliki sebuah pusat pentadbiran dengan bangunan-bangunan yang dibina untuk tahan lama seperti yang terdapat di negara lain.

"Saya berharap Malaysia akan terus maju selepas saya tiada. Walaupun saya dah pergi, saya akan memerhati dari atas untuk melihat kerja berjalan (di bawah)," katanya pada majlis penyerahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) berharga RM650 juta oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd kepada kerajaan di pusat itu di Precinct 5 di sini.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata beliau berharap perdana menteri akan datang tidak pula akan membangunkan sebuah bandar raya lain untuk dirinya.

Penyerahan PCC dilakukan oleh pengerusi Putrajaya Holdings Datuk Mohamed Hashim Hassan kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Othman dan disaksikan oleh Dr Mahathir.

Sebagai simbol penyerahan itu, Mohamed Hashim menyampaikan lukisan oleh pelukis Riaz Ahmad Jamil Ahmad kepada Samsudin.

Dr Mahathir berkata beliau bangga kerana PCC yang "hebat" ini telah siap dan ia dilakukan lebih awal daripada jangkaan. Bangunan itu dibina dalam tempoh kurang dua tahun.

Tetapi, katanya, Malaysia sememangnya sudah biasa melakukan pembangunan dengan cepat, sama seperti bagaimana Putrajaya dibangunkan.

"Malaysia boleh melakukannya dalam `sekelip' mata. Di negara lain, ia akan mengambil masa. Di Malaysia, kita bangunkan seluruh bandar, yang dapat dilihat tumbuh di merata negara lengkap dengan sekolah, hospital dan lain-lain kemudahan," kata Dr Mahathir nampak begitu ceria.

Perdana Menteri sebelum itu dibawa melawat PCC yang terletak di atas bukit setinggi 60 meter dari paras laut di Precinct 5.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Putrajaya Holdings, IJM Corporation Bhd dan firma arkitek Hijjas Kasturi and Associates kerana kejayaan melaksanakan projek itu.

Rekabentuk PCC diilhamkan berdasar bentuk Pending Perak yang merupakan salah satu pakaian kebesaran diraja.

Sementara itu, Dr Mahathir menggesa mereka yang terlibat mempromosi PCC agar menjemput penganjur dan perancang konvensyen melawat pusat itu.

"Mereka perlu datang menyaksikan sendiri kemudahan ini supaya mereka tertarik menganjurkan konvensyen di sini," katanya sambil menambah para pelawat ke Putrajaya juga harus diberi peluang melawat PCC.

Katanya, brosur mengenai PCC juga perlu disediakan untuk diedarkan.

Berucap sebelum itu, Mohamed Hashim berkata semuanya bermula kira-kira tiga tahun lepas apabila beliau dan Dr Mahathir berkongsi pandangan mengenai perlunya dibangunkan sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa bagi penganjuran acara berskala global.

"Beliau membayangkan pusat ini terletak betul-betul di Precinct 5, malah jalan berhias menghala ke pusat ini juga turut dibayangkan.

"Dan, seperti kebanyakan wawasan perdana menteri, beliau dapat menyaksikan pembangunannya dilakukan dalam tempoh yang singkat," katanya.

Bangunan sembilan tingkat dengan keluasan 135,000 juta meter persegi

itu menyediakan pelbagai kemudahan antaranya lima buah dewan, bilik mesyuarat VVIP, restoran, dewan bankuasi, dewan solat dan balai cerap.

Dewan terbesar ialah Dewan Pleno yang boleh memuatkan sehingga 3,000 orang.

-- BERNAMA

MAM RIZ JK MOZ